

MAKLUMAT DAN PANDUAN BAGI PERMOHONAN KURSUS SEAMEO RELC BAGI TAHUN 2019

1) Tarikh, Nama Kursus dan Fasa Kursus

Nama Kursus : Certificate In English Language Teaching – Secondary (CELT-S)

Tarikh	Fasa Kursus
22 Julai 2019 – 3 November 2019 (60 hours)	Phase One: Orientation Webinars 15 week online learning phase Complete 4 modules with at least 60 hours of online study.
05 November 2019 – 22 November 2019	Phase Two: 3 week residential training in Singapore at SEAMEO-RELC <ul style="list-style-type: none">• Complete 2 face-to-face modules and seminars (54 hours)• TP1: 6 hours of micro-teaching and peer observation• TKT (Module 1) will be taken on 22 November 2019 I Singapore.
02 December 2019 – 26 January 2020	Phase Three: 8 week online learning phase (30 hours) Complete 2 modules with at least 30 hours of online study.
29 January 2020 – 05 February 2020 or 05 February 2020 – 12 February 2020 or 12 February 2020 – 19 February 2020	Phase Four: 1 week on-site visit and teaching practice observation (TP2 & TP 3) by RELC trainer.

2) Tempat Kursus

Tempat : SEAMEO RELC, Republik Singapura bagi Fasa ke-2.
Manakala Fasa Pertama, Ketiga dan Keempat di Negara
Brunei Darussalam secara online dan pencerapan.

3) Syarat-syarat tambahan permohonan:

- a. Dibukakan kepada pegawai dan guru di Jabatan Sekolah – Sekolah yang berminat untuk memohon dan mencukupi syarat yang ditetapkan oleh pihak SEAMEO-RELC dan Kementerian Pendidikan dari semasa ke semasa.
- b. Berumur 50 tahun dan ke bawah pada tarikh kursus dijadualkan bermula.
- c. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi sekurang-kurangnya Gred B (Sangat Baik) pada tahun 2016 hingga 2018. (Gred A adalah satu kelebihan)

- d. Bagi tenaga pengajar, pemohon hendaklah mempunyai laporan pencapaian *Teacher Performance Appraisal* (TPA) sekurang-kurangnya **gred 3**.
- e. Sebagai *Associate Facilitator* (AF) dan pernah menjadi pembengkel kongsi sama di peringkat sekolah, kluster di Brunei Darussalam Teacher Academy (BDTA) adalah satu kelebihan.
- f. Lulus ujian kesihatan (*Medically Fit*)
- g. Tidak pernah mengikuti Skim Latihan Dalam Perkhidmatan (Jangka Panjang) tiga tahun kebelakangan semasa tarikh memohon kursus.

4) Tatacara menghadapi permohonan:

- a. Permohonan mestilah menghadapi dokumen-dokumen berikut:
 - i) Borang HRD1 yang lengkap
 - ii) Laporan Penilaian Prestasi (LPP) tahun 2016-2018
Bagi pegawai yang tempoh penilaian prestasi kurang tiga (3) tahun kebelakangan, ulasan sokongan berkursus hendaklah dihadapkan bersama dengan laporan sulit mengenai prestasinya.
 - iii) Laporan Pencapaian *Teacher Performance Appraisal* (TPA) dan Laporan Sulit dari Pengetua/Guru Besar (Bagi tenaga pengajar)
- b. Semua permohonan hendaklah dihadapkan melalui Ketua Jabatan/Bahagian/Unit masing-masing ke Pengarah Bahagian Perkembangan Sumber Tenaga Manusia, Blok A, Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam **sebelum 08 April 2019**.

Perhatian: Permohonan adalah tertakluk kepada kebenaran daripada Kementerian Pendidikan dan surat tawaran berkursus daripada SEAMEO-RELC, Republik Singapura.